

## **Notis Perlindungan Data Peribadi**

Notis Perlindungan Data Peribadi ini ("**Notis ini**") menerangkan bagaimana kami, BD Agriculture (Malaysia) Sdn Bhd (No. Pendaftaran Syarikat: 200401005618/ 644121-W) dan/atau sekutu kami (secara kolektif dikenali sebagai "Kami") boleh mengutip, merekod, memegang, menyimpan, mengguna dan/atau memproses Data Peribadi anda dengan cara lain (sebagaimana ditakrifkan kemudian dari ini).

Bagi tujuan Notis ini, istilah "**Data Peribadi**" hendaklah merangkumi tetapi tidak terbatas kepada, nama, jantina, umur, tarikh lahir, kewarganegaraan, nombor kad pengenalan/nombor pasport, butiran hubungan, pekerjaan, bidang aktiviti, kedudukan, keutamaan, keminatan anda dan/atau maklumat/data lain yang boleh digunakan untuk mengenal pasti atau dapat dikenal pasti oleh anda.

### **Tujuan Pemprosesan Data Peribadi**

Kami boleh mengutip, merekod, memegang, menyimpan, mengguna dan/atau memproses Data Peribadi anda dalam atau luar Malaysia untuk tujuan (a) memenuhi kewajipan kontrak Kami termasuk perkhidmatan kontrak sampingan (cth. notifikasi waranti atau pengambilan kembali oleh pengilang); (b) berkomunikasi dengan anda; (c) menghantar maklumat mengenai produk dan perkhidmatan Kami dan lain-lain produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak-pihak ketiga terpilih yang Kami fikir anda mungkin berminat kepada anda; (d) menghantar jemputan kepada anda untuk menyertai program promosi atau pemasaran Kami; dan (e) mengadakan aktiviti/kegiatan promosi atau pemasaran.

Sila ambil perhatian bahawa pemberian Data Peribadi anda tidak wajib. Namun, sekiranya anda tidak memberikan Data Peribadi anda kepada Kami, kami mungkin tidak dapat berkomunikasi dengan anda; memberikan perkhidmatan yang diperlukan kepada anda, jika ada, atau memenuhi tujuan-tujuan yang diterangkan di atas.

### **Pendedahan kepada Pihak Ketiga**

Kami mungkin melibatkan pihak ketiga untuk menjalankan sesetengah fungsi bagi pihak Kami dan mungkin memberikan akses atau mendedahkan Data Peribadi anda kepada pihak-pihak ketiga sedemikian dalam atau luar Malaysia, yang boleh termasuk tetapi tidak terbatas kepada pembekal perkhidmatan teknologi, bank, institusi kewangan, pihak berkuasa dan kerajaan, perunding cukai, perunding perniagaan dan gaji serta juruaudit cukai.

### **Akses, Permintaan Pembetulan dan Pertanyaan Anda**

Kami juga berusaha untuk memastikan Data Peribadi yang Kami pegang adalah betul, lengkap, tidak mengelirukan dan sentiasa kemas kini. Dalam hal ini, anda boleh menghantar permintaan bertulis kepada Kami pada bila-bila masa untuk mengakses Data Peribadi anda, membetulkan Data Peribadi anda, mengehadakan pemprosesan Data Peribadi anda, mendapatkan maklumat lanjut dan/atau menyerahkan aduan berkenaan dengan Notis ini.

Permintaan bertulis sedemikian boleh dihantar melalui e-mel kepada [bigdutchmanasia@bigdutchman.com](mailto:bigdutchmanasia@bigdutchman.com).

Sila ambil perhatian bahawa permintaan anda yang disebutkan di atas hanya sah dengan pengakuan penerimaan Kami dan tertakluk kepada undang-undang yang berkuat kuasa dan/atau bayaran yang ditetapkan oleh mana-mana undang-undang perlindungan data semasa.

### **Tafsiran dan Pengubahsuaian**

Sekiranya terdapat apa-apa maklumat yang tidak konsisten atau konflik antara versi Bahasa Inggeris Notis ini dengan versi Bahasa Malaysia Notis ini, versi Bahasa Inggeris Notis ini hendaklah digunakan untuk keadaan tidak konsisten atau konflik sedemikian.

Kami berhak untuk mengubahsui, mengemas kini dan/atau meminda Notis ini pada bila-bila masa, satu salinan berkenaan boleh didapati di laman web kami.